

TERMA DAN SYARAT – BAUCAR ELEKTRONIK (e-VOUCHER) PJM 2022

1. Edaran baucar elektronik (*e-voucher*) PJM 2022 ini dilaksanakan mulai 30 Ogos 2022 hingga 31 Disember 2022 sahaja.
2. Kelayakan untuk memiliki dan memuat turun baucar elektronik (*e-voucher*) PJM 2022 ini adalah seperti berikut: -
 - a. Penyertaan ini dibuka kepada pengguna dompet elektronik (*e-wallet*) dari kalangan warganegara Malaysia sahaja;
 - b. Pengguna hendaklah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh muat turun kod *e-voucher* tersebut melalui aplikasi mudah alih MySales Tracker yang dimiliki oleh KPDNHEP;
 - c. Pengguna hendaklah memiliki akaun *e-wallet* yang berdaftar dan beroperasi secara sah (iaitu *Touch 'n Go e-wallet* dan/atau *Boost*) **sebelum** proses muat turun kod *e-voucher* tersebut melalui aplikasi mudah alih MySales Tracker dibuat. Urusan berkaitan operasi *e-wallet* sedia ada adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh setiap pengendali *e-wallet* tersebut dan tidak diikat bersama (*binded with*) terma dan syarat bagi edaran *e-voucher* ini;
 - d. Pengguna dibenarkan menebus maksimum satu (1) unit *e-voucher* sahaja (dalam bentuk kod) melalui aplikasi mudah alih MySales Tracker yang disediakan melalui platform *Play Store* (untuk pengguna Android) dan *App Store* (untuk pengguna iOS) pada sepanjang tempoh edaran;
 - e. Pengguna hendaklah menebus *e-voucher* tersebut melalui salah satu pembekal perkhidmatan *e-wallet* yang disediakan **sahaja** iaitu *Touch 'n Go e-wallet* dan *Boost*. Wang bernilai RM20 (Ringgit Malaysia Dua Puluh) setiap satu akan diterima

apabila proses penebusan berjaya dilaksanakan dan akan terus dikreditkan ke akaun *e-wallet* pengguna; dan

- f. Edaran *e-voucher* ini tertakluk kepada nilai had penebusan (*capping*) seperti berikut **berdasarkan prinsip “siapa cepat, dia dapat”**, iaitu: -
 - i. Maksimum 50,000 unit *e-voucher* yang ditebus melalui aplikasi mudah alih *Touch ‘n Go e-wallet*, dan
 - ii. Maksimum 49,000 unit *e-voucher* yang ditebus melalui aplikasi mudah alih *Boost*.

3. Langkah-langkah penebusan *e-voucher* PJM 2022 adalah seperti berikut: -

- a. Memuat turun aplikasi mudah alih MySales Tracker melalui platform Play Store (untuk pengguna Android) dan App Store (untuk pengguna iOS) pada peranti pintar masing-masing;
- b. Memastikan aplikasi mudah alih MySales Tracker ini beroperasi secara sah pada peranti pintar masing-masing;
- c. Mendaftar butiran peribadi dengan lengkap melalui *tab menu* “PJM” dan menu “*e-voucher* PJM 2022”, dan seterusnya memilih untuk menebus salah satu jenis kod sahaja (yang masing-masing merujuk kepada *Touch ‘n Go e-wallet* atau *Boost*); dan
- d. Menebus kod yang diterima pada aplikasi *e-wallet* yang dipilih (kod yang diberikan hendaklah ditebus pada sekali proses sahaja). Untuk setiap penebusan yang berjaya, nilai wang sebanyak RM20 (Ringgit Malaysia Dua Puluh) akan dikreditkan secara terus ke akaun pengguna.

4. Semua urusan permohonan dan penerimaan *e-voucher* ini dijalankan secara automatik mengikut sistem operasi aplikasi mudah alih.

Semua proses penerimaan dan penebusan *e-voucher* PJM 2022 adalah muktamad.